



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**Strategi Pelestarian Tradisi Lisan *Leka Timang Gawai Burong*
Masyarakat Iban**

Jeniffer Empiang Anak Liman

**Sarjana Seni
2021**

Strategi Pelestarian Tradisi Lisan *Leka Timang Gawai Burong* Masyarakat
Iban

Jeniffer Empiang Anak Liman

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni

(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2021

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar : Jeniffer Empiang Anak Liman

No. Pelajar : 17020074

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh :

PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan yang maha esa, kerana diatas izin dan kurniaNya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya walaupun pelbagai halangan dan rintangan yang melanda sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Utama saya, iaitu Profesor Madya Dr Noria Tugang di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang pengajian dan penyelidikan saya ini. Saya amat menghargai segala bimbingan dan pertolongan penyelia dan pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada para informan saya sepanjang penyelidikan dijalankan iaitu Encik Jimbun Tawai, Dr Robert Menua, Encil Philip Igai, *Lemambang* Busang anak Ikom, *Lemambang* Junit anak Leju, *Lemambang* Lanyun anak Nyaru, *Lemambang* Abang anak Entarey, Puan Empandai anak Tambat, *Lemambang* Gadum anak Unjir, *Lemambang* Ugak, Ms Melia Linggi, Cik Bibiana Motey anak Belon@Senang serta individu lain yang sudi memberi serba sedikit maklumat berkenaan dengan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibubapa saya iaitu Liman anak La'wo dan Manlat anak Landok atas sokongan, semangat dan kewangan yang diberikan oleh mereka sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik saya dan rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dari segi maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan saya. Ucapan terima kasih juga kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini.

Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Masyarakat Iban terkenal dengan kepelbagaian perayaan *gawai* yang berkaitan dengan kepercayaan animisme seperti *Gawai Burong*, *Gawai Dayak*, *Gawai Tuah* dan *Gawai Sakit*. Setiap *gawai* yang diadakan mempunyai *leka timang* khas yang akan didendangkan atau dinyanyikan oleh *lemambang*. Penyelidikan ini fokus kepada makna tradisi lisan *leka timang* yang digunakan semasa *Gawai Burong* dijalankan. Selain itu, penyelidik meneliti pertembungan dan perubahan yang memberi impak yang besar terhadap tradisi lisan *leka timang* pada masa kini. Penyelidikan ini turut fokus terhadap strategi penambahbaikan dan pelestarian yang sesuai untuk memelihara tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan generasi kini. Penyelidikan ini dijalankan di Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Bagi mendapatkan maklumat terus daripada informan, penyelidik telah menggunakan kaedah temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* merupakan *gawai* yang tertinggi di antara *Gawai Burong* yang dijalankan oleh masyarakat Iban. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* kurang relevan dianjurkan pada masa kini. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* merupakan *gawai* yang hanya boleh dianjurkan oleh *Tuai Serang* atau *Tuai Kayau* yang telah berjaya dalam ekspedisi ngayau. Tambahan lagi, *timang Gawai Kelingkang Nanga* merupakan *timang gawai* yang paling panjang antara *timang Gawai Burong* yang lain. Penyelidik menyarankan agar lebih banyak lagi penyelidikan yang berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat Iban berasaskan pelbagai perspektif dan kategori. Hanya dengan penyelidikan yang sedemikian, tradisi lisan dapat dikekalkan dan dipromosikan kepada generasi baharu dan masyarakat luar.

Kata kunci: Masyarakat Iban, *timang*, *Gawai Burong*, pelestarian budaya dan perubahan budaya

Oral Tradition Leka Timang Gawai Burong among Iban Community

ABSTRACT

The Iban community is famous for the variety of gawai festivals associated with animistic beliefs such as Gawai Burong, Gawai Dayak, Gawai Tuah and Gawai Sakit. Each gawai held has a special timang that will be sung or sung by lemambang. This research focuses on the meaning of the oral tradition of leka timang used during Gawai Burong. In addition, the researchers examined the clashes and changes that have a significant impact on the oral tradition of timang today. In addition, this research also focuses on appropriate improvement and preservation strategies to preserve the oral tradition of timang among the current generation. This research was conducted in Pakan District, Sarikei, Sarawak. To obtain information directly from informants, researchers have used structured and unstructured interview methods. Based on this research, Gawai Kelingkang Nanga or Gawai Kelingkang Burong is the highest gawai among Gawai Burong conducted by the Iban community. Gawai Kelingkang Nanga or Burong is less relevant nowadays. This is so, Gawai Kelingkang Nanga or Burong is a gawai that can only be organized by Tuai Serang or Tuai Kayau who have been successful in Ngayau expeditions. In addition, the timang Gawai Kelingkang Nanga is the longest timang gawai among other timang Gawai Burong. In conclusion, the researchers suggested that more research related to the oral traditions of the Iban community based on various perspectives and categories. Only with such research, oral traditions can be maintained and promoted to new generations and the outside community.

Keywords: *Iban, timang, Gawai Burong, cultural preservation and cultural change*

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Soalan Penyelidikan	4
1.4 Objektif Penyelidikan	4
1.5 Skop Penyelidikan	4
1.6 Lokasi Penyelidikan	5
1.7 Limitasi Penyelidikan	6
1.7.1 Golongan Pakar	6
1.7.2 Kesihatan Dan Usia Informan	7
1.7.3 Kekangan Masa	7
1.7.4 Peluang Menyaksikan Pelaksanaan <i>Gawai Burong</i>	8
1.8 Kepentingan Penyelidikan	8

1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Tradisi Lisan	10
1.9.2	Budaya	11
1.9.3	Agama dan Kepercayaan	12
1.9.4	Spiritual	14
1.9.5	<i>Ngayau</i>	14
1.9.6	Gelaran <i>Raja</i> atau <i>Bujang Berani</i>	16
1.9.7	<i>Lemambang</i>	16
1.9.8	<i>Timang Gawai Kelingkang Nanga</i>	17
1.9.9	<i>Timang</i>	17
1.9.10	<i>Sandau Ari</i>	18
Bab 2: SOROTAN KEPUSTAKAAN		19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Sorotan Literatur Berkaitan	19
2.2.1	Strategi Pelestarian Tradisi Lisan	20
2.2.2	Pertembungan dan Perubahan Budaya	21
2.2.3	Pengurusan	23
2.3	Sorotan Literatur Kajian	24
2.3.1	Masyarakat Iban	25
2.3.2	Struktur sosial masyarakat Iban	27
2.3.3	Tradisi lisan	29
2.3.4	<i>Leka main asal</i>	31
2.3.5	<i>Leka main Adat Basa</i>	33
2.3.6	<i>Leka main Pemerindang</i>	34

2.3.7	<i>Leka main Invokasyen</i>	35
2.3.8	Fungsi Tradisi Lisan dalam Masyarakat Iban	38
2.3.9	Kepentingan Tradisi Lisan kepada Masyarakat Iban	39
2.3.10	Sejarah Upacara <i>Nimang</i>	40
2.3.11	Pelestarian budaya	41
2.4	Rumusan	42
BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN		43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Kaedah Penyelidikan	43
3.2.1	Kajian Keperpustakaan	43
3.2.2	Kajian Kerja Lapangan	44
3.3	Teknik Pengumpulan Data	45
3.3.1	Pemerhatian	45
3.3.2	Pemerhatian Turut Serta	46
3.3.3	Kaedah Temubual	46
3.3.4	Dokumentasi	47
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	48
3.4.1	Kriteria Pemilihan Informan	49
3.5	Teknik Analisis Data	50
3.6	Instrumen Penyelidikan	51
3.7	Etika Penyelidikan	52
3.7.1	Persetujuan	54
3.8	Kerangka Konseptual Penyelidikan	54
3.9	Teoritikal Penyelidikan	57

3.10	Rumusan	59
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN PENYELIDIKAN		60
4.1	Pengenalan	60
4.2	Perayaan <i>Gawai Burong</i> dalam Budaya dan Masyarakat Iban	61
4.3	Persediaan Pelaksanaan <i>Gawai Sandau Ari</i>	63
4.3.1	Pemilihan dan Penetapan Tarikh	66
4.3.2	Membuat Temujanji dengan <i>Lemambang</i>	67
4.3.3	Melantik <i>Orang Nuduk</i>	67
4.3.4	Mesyuarat Rumah Panjang	68
4.3.5	<i>Beranchau Puang</i>	69
4.3.6	<i>Nasak</i>	69
4.3.7	Pemberian Upah	71
4.4	<i>Lemambang</i>	72
4.4.1	Pakaian <i>Lemambang</i>	73
4.5	<i>Gawai Kelingkang Nanga</i>	76
4.6	Pemilihan <i>Leka Timang</i>	77
4.7	Tafsiran dan Makna Tersirat dalam <i>Leka Timang</i>	
	<i>Gawai Kelingkang Nanga</i>	80
4.7.1	Permulaan <i>Leka Timang</i>	81
4.7.2	Pertengahan <i>Leka Timang</i>	84
4.7.3	<i>Leka timang</i> semasa Perjalanan <i>Nurun Ngabang</i>	93
4.7.4	<i>Leka timang</i> semasa <i>Ngentung Pintu Langit</i>	99
4.7.5	<i>Leka timang</i> semasa Melompat dari <i>Pintu Langit ke Rumah Panjang</i>	
	<i>Orang Iban</i>	100

4.7.6	<i>Leka Timang</i> semasa <i>Ngua Igi Nanga</i>	118
4.7.7	<i>Leka timang semasa</i> Proses Penanaman Padi dan <i>Ngayau</i>	119
4.7.8	Fasa Pengakhiran <i>Leka Timang</i>	123
4.8	Pertembungan dan Perubahan dalam Masyarakat Iban	125
4.8.1	Pengaruh Pendidikan Terhadap Tradisi Lisan <i>Leka Timang</i>	125
4.8.2	Perubahan Gaya Hidup Masyarakat Iban	127
4.8.3	Perkembangan Teknologi	130
4.8.4	Sikap Bangga Terhadap Perubahan Budaya	132
4.8.5	Perubahan Agama dan Kepercayaan	133
4.8.6	Perubahan dalam Sektor Ekonomi	136
4.9	Perbezaan Pelaksanaan <i>Gawai Burong</i>	138
4.10	Pelestarian warisan tidak ketara (tradisi Lisan)	141
4.10.1	Penerbitan	141
4.10.2	Dokumentasi	142
4.10.3	Program dan seminar	142
4.11	Implikasi Penyelidikan	143
4.12	Rumusan	148
	BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	149
5.1	Kesimpulan	149
5.2	Cadangan Strategi Pelestarian Warisan Tidak Ketara (<i>timang</i>)	153
5.2.1	Mendokumentasikan upacara <i>nimang</i> sempena <i>Gawai Burong</i>	153
5.2.2	Menjadikan tradisi lisan <i>timang Gawai Kelingkang Nanga</i> sebagai elemen Seni Persembahan	154
5.2.3	Perbanyakkan penyelidikan berasaskan tradisi lisan masyarakat Iban	155

RUJUKAN	157
LAMPIRAN	166

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 4.1	Nama bulan	65
Jadual 4.2	Kaitan <i>Petara</i> atau Dewa dengan sesebuah <i>Gawai</i>	79
Jadual 4.3	Pesanan dan tindakan yang harus diikuti oleh para menantu <i>Lang</i>	90
Jadual 4.4	Jenis penyakit	95
Jadual 4.5	Gelaran	115
Jadual 4.6	Jenis <i>Wa</i>	118

SENARAI RAJAH

		Muka surat
Rajah 2.1	Model Strategi Pelestarian Naskah-Naskah Koleksi di Sumatera	20
Rajah 2.2	Teori Pengurusan Taylor	24
Rajah 2.3	Status Masyarakat Iban	27
Rajah 2.4	Kategori dan Jenis <i>leka main asal</i>	32
Rajah 2.5	Fungsi Puisi Rakyat kepada Masyarakat Iban	38
Rajah 3.1	Kriteria Pemilihan Informan	49
Rajah 3.2	Model Miles dan Huberman	50
Rajah 3.3	Proses Penyelidikan	51
Rajah 3.4	Konseptual Penyelidikan	55
Rajah 4.1	Persediaan <i>Gawai Sandau Ari</i>	64
Rajah 4.2	Urutan fasa bulan	66
Rajah 4.3	Tujuh <i>Petara</i> Teratas dalam masyarakat Iban	78
Rajah 4.4	Susunan <i>leka timang</i>	81
Rajah 4.5	Perjalanan Ekspedisi <i>Ngayau</i>	86
Rajah 4.6	Strategi mendapatkan <i>Igi Nanga</i>	89
Rajah 4.7	Urutan <i>Leka timang</i>	120
Rajah 4.8	<i>Petara</i> dalam masyarakat Iban	133

SENARAI GAMBAR

	Muka surat
Gambar 4.1 <i>Kayu raya</i>	68
Gambar 4.2 <i>Tepung Kelingkang</i>	70
Gambar 4.3 <i>Membuat langkau Babi atau Khinzir</i>	71
Gambar 4.4 <i>Pandung</i>	71
Gambar 4.5 <i>Barang yang terdapat dalam pandung</i>	71
Gambar 4.6 <i>Pakaian Lemambang</i>	73
Gambar 4.7 <i>Ketapu atau Lanjang</i>	74
Gambar 4.8 <i>Tongkat Lemambang</i>	75
Gambar 4.9 <i>Pua Kumbu Corak Lebur Api</i>	123
Gambar 4.10 <i>Papan Turai Lemambang Busang Anak Ikom</i>	125
Gambar 4.11 <i>Puan Pauline Sophia anak Laja</i>	129
Gambar 4.12 <i>Bahan-bahan yang digunakan untuk ritual Miring Gawai Burong</i>	137
Gambar 4.13 <i>Penyembahan di Indonesia</i>	139
Gambar 4.14 <i>Penyembahan di Sarawak</i>	139
Gambar 4.15 <i>Piring Ading di Sarawak</i>	140
Gambar 4.16 <i>Piring Ading di Indonesia</i>	140

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Iban merupakan masyarakat yang terbesar di Sarawak. Kebanyakan masyarakat Iban di Sarawak mendiami kawasan Sri Aman, Betong, Kapit, Bintulu, Miri dan Sarikei. Masyarakat Iban merupakan masyarakat yang terkenal dengan kekayaan memiliki kepelbagaian budaya dan warisan yang unik.

Masyarakat Iban merupakan masyarakat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme pada asalnya. Setelah mengalami proses modernisasi, sebahagian daripada masyarakat Iban yang mula menganuti agama lain seperti Kristian, Islam dan Hindu. Kepercayaan animisme merupakan satu kepercayaan yang percaya bahawa benda hidup atau benda tidak hidup mempunyai roh. Oleh itu, setiap perayaan atau pemujaan yang dijalankan oleh masyarakat Iban kebanyakannya berkaitan dengan alam semesta.

Masyarakat Iban mempunyai puisi rakyat, iaitu puisi lisan yang dikenali sebagai *leka main*. Puisi rakyat atau *leka main* masyarakat Iban mempunyai pelbagai jenis atau cara penceritaan yang digunakan oleh masyarakat Iban menyampaikan maksud atau tujuan yang tertentu. Terdapat pelbagai jenis puisi rakyat yang masih ada sehingga kini tetapi perkembangan penggunaan puisi rakyat dalam adat resam semakin berkurangan. Hal ini berkemungkinan disebabkan kurang pendedahan *leka main* itu sendiri terhadap masyarakat Iban itu sendiri.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik lebih fokus kepada tradisi lisan *leka timang Gawai Burong* dalam kalangan masyarakat Iban. *Leka timang* merupakan ayat-ayat suci

yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam melaksanakan sesebuah upacara *Gawai. Leka timang* yang dilagukan oleh *lemambang* adalah bertujuan untuk memanggil *petara* atau dewa bagi memberkati upacara tersebut.

1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa pernyataan masalah yang didapati semakin mengancam tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan masyarakat Iban. Setiap pernyataan masalah yang diketengahkan oleh penyelidik adalah untuk menyokong penyelidikan ini dijalankan.

Masyarakat Iban tidak ketinggalan dalam menempuhi arus pemodenan yang berlaku di sekeliling mereka. Terutamanya golongan muda yang memang dari kecil terdedah dengan dunia moden. Oleh itu, kebanyakan generasi muda masa kini kurang mengenali tradisi lisan kaum mereka sendiri. Pertembungan dan perubahan budaya dalam masyarakat Iban telah memberi impak yang besar terhadap tradisi lisan *leka timang* dalam budaya masyarakat Iban kini. Terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam budaya masyarakat Iban apabila berlakunya pertembungan budaya moden dan budaya warisan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, peluang pekerjaan di bandar lebih meluas dan besar jika dibandingkan dengan luar bandar dan pedalaman. Taraf dan budaya hidup mereka turut berubah mengikuti arus pemodenan dan era globalisasi. Di samping itu juga, status sosial masyarakat Iban yang duduk di bandar juga berubah. Hal ini demikian, corak dan gaya hidup di bandar mempunyai perbezaan dari segi kepercayaan. Kebanyakan masyarakat Iban yang berpendidikan tinggi dan menetap di bandar telah menganuti agama Kristian mahupun Islam. Ini disebabkan oleh corak hidup mereka di bandar jauh berbeza dengan corak hidup masyarakat Iban yang menetap di luar bandar.

Perkembangan teknologi juga turut memberi kesan yang negatif dalam kalangan masyarakat Iban terutamanya dari segi hubungan di antara satu sama lain. Teknologi yang memberi kesan kepada perhubungan sesama mereka seperti televisyen, radio dan pengangkutan. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban mempunyai seorang tukang cerita di rumah panjang. Pada waktu malam, tukang cerita akan menceritakan sebuah cerita yang dikenali sebagai ensera di ruai. Tetapi pada masa sekarang, masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang lebih suka menonton televisyen di bilik masing-masing bersama keluarga daripada bergaul dengan keluarga lain dan lebih bersifat individualistik.

Tambahan lagi, generasi kini lebih bersifat pasif. Mereka menggunakan kemudahan internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan budaya dan warisan. Ini kerana segala maklumat yang diperlukan berada di hujung jari sahaja. Kebanyakan generasi baru dalam kalangan masyarakat Iban lebih taksuf dengan alat teknologi yang lebih canggih dan mudah untuk dipelajari. Terutamanya dalam bidang kebudayaan dan kesenian. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban belajar menggunakan papan turai untuk mempelajari sesuatu terutamanya dalam tradisi lisan. Tambahan lagi, golongan pakar dalam menggunakan papan turai semakin berkurangan dari tahun ke tahun.

Pada masa kini, warisan dan budaya sesebuah kaum semakin hilang ditelan dek zaman. Ini dapat dilihat melalui pengetahuan masyarakat Iban dalam tradisi lisan leka timang yang merupakan warisan mereka. Hal ini berlaku kerana gaya hidup yang diamalkan oleh masyarakat Iban kini yang mengalami banyak perubahan dari segi cara hidup masyarakat Iban itu sendiri.

1.3 Soalan Penyelidikan

- i. Apakah makna tradisi dan signifikansi tradisi lisan *leka timang* dalam upacara Gawai Burong kepada masyarakat Iban?
- ii. Bagaimanakah pertembungan dan perubahan budaya memberi impak besar terhadap tradisi lisan *leka timang* dalam masyarakat Iban?
- iii. Apakah strategi penambahbaikan dan pelestarian yang sesuai untuk memelihara tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan generasi masa kini?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif penyelidikan yang menjadi garis panduan bagi pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini. Tiga objektif penyelidikan adalah seperti berikut

- i. Mengkaji makna tradisi lisan *leka timang* dalam upacara *Gawai Burong*.
- ii. Meneliti pertembungan dan perubahan budaya yang memberi impak yang besar terhadap tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan masyarakat Iban.
- iii. Mengemukakan strategi penambahbaikan dan pelestarian yang sesuai untuk memelihara tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan generasi masa kini.

1.5 Skop Penyelidikan

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan sampel informan. Ini kerana penyelidik hanya menemu bual golongan pakar sahaja. Terdapat beberapa orang yang terdiri daripada golongan pakar yang menjadi sasaran penyelidik untuk dijadikan sebagai informan kajian. Antaranya ialah *Lemambang* Busang anak Ikom, *Lemambang* Junit anak Leju, *Lemambang* Gadum anak Unjir, *Lemambang* Ugak, *Lemambang* Lanyun anak Nyaru dan

beberapa individu yang berkaitan dari agensi atau badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Pada 5 September 2017, penyelidik telah mendapatkan persetujuan daripada golongan pakar yang dipilih sebagai informan dalam penyelidikan ini. Ini bagi memastikan sama ada golongan pakar tersebut bersetuju untuk dijadikan sebagai informan sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, penyelidik juga akan mendapatkan maklumat berkaitan dengan perayaan *Gawai Burong* yang akan dijalankan oleh *lemambang* tersebut. Hal ini kerana individu yang ingin menggunakan perkhidmatan *lemambang* akan membuat temu janji terlebih dahulu. Ini bagi memudahkan penyelidik mendapat lokasi perayaan *Gawai Burong* bakal dilaksanakan.

Mengikut perancangan penyelidikan, proses pengumpulan data secara langsung ke lokasi yang ditetapkan bermula pada awal Januari 2018 dan hujung Mei 2019. Proses pengumpulan data ini dijalankan di Daerah Pakan, Sarikei. Selain itu, penyelidik turut menyaksikan *Gawai Burong* di Indonesia. Perayaan *Gawai Burong* selalunya dijalankan pada bulan Mei. Ini kerana bulan Mei merupakan bulan dimana kaum Iban akan melangsungkan perayaan *Gawai Dayak* yang merupakan perayaan tahunan kaum tersebut.

1.6 Lokasi Penyelidikan

Lokasi penyelidikan merupakan elemen yang penting dalam proses pengumpulan data semasa menjalankan kerja lapangan. Daerah Pakan merupakan lokasi penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik bagi menjalankan proses pengumpulan data. Terdapat beberapa beberapa rumah panjang yang terdapat di daerah Pakan menjadi lokasi kajian untuk penyelidik bagi melakukan kaedah pemerhatian turut serta dalam *gawai* tersebut.

Selain itu, penyelidik telah memilih tiga organisasi yang aktif dalam kerja pelestarian dalam kebudayaan, kesenian dan warisan kaum Iban iaitu *Tun Jugah Foundation*, *Dayak Cultural Foundation* dan Majlis Adat Istiadat Sarawak.

1.7 Limitasi Penyelidikan

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang perlu ditempuhi bagi menjayakan penyelidikan ini. Walaupun begitu, penyelidik berusaha mengatasinya dengan menjadikannya sebagai kekuatan dalam penyelidikan ini. Sebagai seorang penyelidik, kita haruslah fokus pada tujuan asal penyelidikan ini dijalankan. Terdapat beberapa masalah dan cabaran yang harus dihadapi penyelidik. Antaranya ialah:

1.7.1 Golongan Pakar

Golongan pakar dalam bidang tradisi lisan ini dikenali sebagai *lemambang* oleh masyarakat Iban. Penyelidik turut menghadapi masalah berkaitan dengan peluang untuk bertemu dengan *lemambang*. Ini kerana mereka selalu digunakan untuk melaksanakan upacara lain seperti *belian*. Oleh itu, penyelidik mengalami kesukaran untuk bertemu dengan golongan tersebut. Selain itu, jumlah golongan pakar dalam tradisi lisan *leka timang* turut memiliki kuantiti yang sedikit.

Oleh itu, penyelidik telah membuat temu janji dengan menetapkan tarikh pertemuan di antara penyelidik dengan *lemambang* tersebut bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Dengan cara ini penyelidik dapat menyelesaikan masalah ini dengan baik dan efektif.

1.7.2 Kesihatan dan Usia Informan

Selain itu, faktor kesihatan dan usia para informan turut menjadi kekangan yang besar kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat. Ini kerana kebanyakan para informan terdiri daripada golongan warga emas yang mempunyai tahap kesihatan yang tidak menentu. Kadang-kadang penyelidik terpaksa mengubah tarikh temu janji dengan informan kerana kesihatan beliau tidak mengizinkan. Selain itu, sebahagian di antara informan ada yang mengalami masalah pendengaran. Ini agak menyulitkan lagi sesi temu bual di antara penyelidik dengan informan. Walaupun begitu, penyelidik memberi masa kepada informan sehingga mereka sembuh sepenuhnya kerana menghormati dan prihatin terhadap kesihatan mereka.

1.7.3 Kekangan Masa

Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, faktor kekangan merupakan satu masalah yang tidak dapat dihindari oleh penyelidik. Terutamanya semasa proses pengumpulan data. Golongan pakar yang akan ditembual oleh penyelidik dalam kajian ini terdiri daripada pegawai kerajaan dan *lemambang*. Dari segi kekangan masa penyelidik menemu bual para pegawai kerajaan ialah mereka mempunyai banyak komitmen yang harus diselesaikan pada sesuatu masa. Kadang-kadang mereka juga akan menjalani kursus atau mesyuarat yang dijalankan diluar pejabat. Oleh itu, penyelidik mengalami kesukaran untuk mengambil peluang dan menetapkan tarikh untuk menemubual mereka supaya tidak bercanggah dengan urusan rasmi mereka.

Kekangan masa yang dihadapi oleh penyelidik untuk menemubual para *lemambang* disebabkan faktor kerja harian dan tugas sebagai *lemambang* itu sendiri. Kebanyakan para *lemambang* yang menjadi informan penyelidik terdiri daripada masyarakat kampung yang

bekerja sebagai petani. Masa penyelidik untuk menemubual informan terhadap pada siang dan malam. Ini kerana pada waktu siang informan pergi ke sawah atau kebun. Pada waktu malam pula informan dibawa ke rumah panjang lain untuk menjalankan upacara ritual seperti *belian*. Oleh itu, penyelidik mengalami kesukaran untuk mendapatkan peluang untuk menemubual para informan.

1.7.4 Peluang Menyaksikan Pelaksanaan *Gawai Burong*

Gawai Burong merupakan *gawai* yang semakin jarang dilaksanakan oleh masyarakat Iban pada masa kini. Oleh itu, peluang penyelidik untuk menyaksikan pelaksanaan *Gawai Burong* amat tipis. Ini kerana kebanyakan masyarakat Iban kini telah menganuti agama Kristian mahupun Islam. Selain itu, penyelidik juga harus memohon kebenaran daripada *Tuai Gawai* dan *lemambang* untuk merakam dan mengambil gambar sepanjang *Gawai Burong* dijalankan. Ini kerana penyelidik harus menghormati *gawai* tersebut dan agar tidak melanggar pantang larang pelaksanaan *gawai* tersebut.

1.8 Kepentingan Penyelidikan

Berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Masyarakat Iban mempunyai banyak keunikan yang tersendiri sama ada dari segi budaya dan warisan seperti tradisi lisan *leka timang*. Penyelidik mendapati bahan bacaan mengenai tradisi lisan *leka timang* masyarakat Iban ini masih kurang di pasaran dan tempat-tempat ilmiah. Hal ini demikian, pendedahan mengenai tradisi lisan *leka timang* masyarakat Iban kepada masyarakat luar atau masyarakat Iban itu sendiri masih kurang. Oleh itu, penyelidik mendapati banyak kepentingan yang dapat diperolehi daripada penyelidikan ini terutamanya terhadap generasi masa kini tanpa mengira peringkat umur mahupun kaum.

Dengan adanya penyelidikan ini, generasi muda dalam kalangan masyarakat Iban dapat mengenali tradisi lisan mereka sendiri terutamanya tradisi lisan *leka timang*. Selain itu, mereka dapat membezakan fungsi atau makna sesebuah *leka timang* yang dilagukan oleh *lemambang* pada setiap *gawai* yang dijalankan. Hal ini kerana setiap *gawai* yang dilaksanakan oleh individu mempunyai *leka timang* yang berbeza. Ia bergantung pada tujuan *gawai* tersebut dijalankan. Ini kerana setiap *gawai* yang dianjurkan oleh individu tersebut mempunyai dewa atau *petara* yang tersendiri untuk dimuliakan dan memberkati *gawai* sepanjang *gawai* diraikan.

Tambahan lagi, penyelidikan ini dapat memperkenalkan tradisi lisan *leka timang* masyarakat Iban kepada masyarakat luar. Masyarakat luar ini terdiri daripada pelbagai kaum dan agama lain seperti Melayu, Melanau, Cina mahupun India dan kaum lain kecuali kaum Iban. Selain dari memperkenalkan tradisi lisan itu, penyelidik juga dapat membuka mata masyarakat luar tentang keunikan budaya tradisi masyarakat Iban. Secara tidak langsung, penyelidik dapat menarik minat masyarakat luar untuk mendalami tradisi tersebut. Dengan cara itu, penyelidik dapat mengekalkan tradisi lisan *leka timang* pada masa kini dalam kalangan masyarakat setempat.

Selain itu, penyelidikan ini juga diperlukan oleh persatuan–persatuan, badan–badan berkanun dan tidak berkanun yang mengkaji dan memelihara budaya dan warisan kaum Iban seperti *Tun Jugah Foundation*, Majlis Adat Istiadat Sarawak, Kampung Budaya Sarawak, Serakup Indu Dayak Sarawak dan *Dayak Cultural Foundation*. Berdasarkan penyelidikan ini, mereka dapat mengetahui masalah–masalah yang mengancam pelestarian budaya dan tradisi lisan tersebut dalam kalangan masyarakat setempat. Dengan itu, pihak persatuan dapat mengenalpasti cara penyelesaian bagi setiap masalah tersebut dengan mudah dan efektif.